

LATAR BELAKANG

Jabatan Nefrologi HRPZII telah ditubuhkan pada 1.3.2016 yang dahulunya Unit Nefrologi dibawah Jabatan Perubatan HRPZII. Ini kerana perkhidmatan Nefrologi yang makin berkembang di seluruh Kelantan.

Jabatan Nefrologi mempunyai beberapa unit seperti Unit Hemodialisis Kronik (ACC) ,Unit Hemodialisis Akut, CAPD dan juga Wad Nefrologi (wad 6). Lokasi bangunan Jabatan Nefrologi HRPZII terletak dibahagian bangunan ACC untuk Unit Hemodialisis Kronik, Unit Hemodialisis Akut dan CAPD berada di bangunan baru fasa 1, sebelah dengan HospiMart dan Unit Dialisis Komuniti Mahligai yang terletak di Klinik kesihatan Mahligai ,Melor.

Unit Hemodialisis Kronik (ACC)mempunyai 23 point RO (Negatif) dan 3 point RO untuk kes isolated. Terdapat 23 buah mesin hemodialisis yang beroperasi iaitu 23 negatif mesin (normal pesakit) bagi menampung keperluan pesakit 'End Stage Renal Failure' di dalam daerah Kota Bharu. Serta 1 mesin untuk kes isolation. Perkhidmatan disediakan untuk pesakit RVD juga disediakan.

Unit Hemodialisis Akut mempunyai 6 point (Negatif) untuk pesakit sementara dan 3 point Hep C dan 2 Point Hep B (Pesakit kekal) . Unit Akut beroperasi 24 jam 7 hari seminggu. Selain itu juga unit ini mempunyai Mesin hemodialysis yang telah ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) bagi merawat kes-kes kecemasan, koma serta yang memerlukan penjagaan serius semasa sepanjang rawatan dialisis dijalankan.

Unit CAPD merupakan satu-satunya yang terdapat di Negeri Kelantan. Mempunyai slot pesakit seramai 120 orang. Unit CAPD berfungsi untuk memberi latihan kepada pesakit yang memilih rawatan CAPD sebagai rawatan pilihan (RRT). Unit CAPD juga menjalankan lawatan ke rumah (Homevisit) ,surgical tenchoff.

Wad 6 (Nefrologi) mempunyai 20 katil untuk menempatkan pesakit-pesakit Nefrologi .Mempunyai 2 mesin Dialisis untuk menjalankan dialysis bagi pesakit-pesakit yang berada di wad 6,wad 8 dan wad 8 panglima.Wad 6 juga menerima pesakit Elektif bagi kes-kes untuk menjalankan prosedeur IPD ,Insert Catheter dan lain-lain.

Unit Dialisis Komuniti Mahligai (UDK),terletak di Klinik Kesihatan Mahligai Melor. Terdapat 12 point negative.UDK Mahligai boleh menerima pesakit seramai 66 orang.Dengan adanya UDK ini dapat mengurangkkn kesesakan pesakit di HRPZII dan memberi kemudahan bagi penduduk disekitar daerah yang berdekatan terutama Bachok dan Pasir puteh.